


Krisis Ekonomi Malaysia: Punca, Implikasi dan Langkah Penyelesaian

Oleh: ABDUL AZIZ AWANG

Ekonomi Malaysia sejak tahun 1970, telah mengalami pasang surut beberapa kali disebabkan oleh pelbagai faktor yang sebahagian besarnya berpunca daripada faktor luaran memandangkan keterbukaan ekonomi Malaysia. Sejak 1970, Malaysia pertama kali mengalami krisis ekonomi pada tahun 1973/74 berikutan kenaikan harga minyak yang lebih dikenali sebagai kejutan minyak pertama akibat peperangan antara Mesir dan Israel. Berikutan itu, ekonomi negara-negara perindustrian mengalami pengucupan yang turut memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang hanya meningkat 0.8% pada 1975 iaitu paras terendah dalam tempoh 1970-1980.

Malaysia sekali lagi mengalami krisis ekonomi yang juga berpunca daripada kenaikan harga minyak iaitu kejutan minyak kedua pada 1978 akibat daripada revolusi Iran. Ini mengakibatkan kemelesetan ekonomi yang diikuti dengan masalah inflasi dan pengangguran di negara-negara maju atau OECD. Walaupun ekonomi Malaysia tidak mengalami kemelesetan, namun pertumbuhan KDNK meningkat perlahan pada awal 1980an berikutan kejatuhan eksport dan harga komoditi.

Strategi Kerajaan bagi mengatasi krisis ekonomi pada 1973/74 dan pada awal 1980an adalah selari iaitu dengan merangsang pertumbuhan ekonomi mengikut pendekatan *Keynesian* iaitu dengan meningkatkan subsidi, membantu golongan berpendapatan rendah, mengatasi inflasi melalui kawalan bekalan wang serta menambah perbelanjaan untuk melaksana projek-projek infrastruktur asas bagi merangsang aktiviti ekonomi.



Peningkatan perbelanjaan telah menyebabkan defisit fiskal melonjak ke paras tertinggi 16.6% pada tahun 1982 dan Kerajaan terpaksa membuat pinjaman yang besar bagi menampung defisit tersebut. Walau bagaimanapun, mulai 1983 ekonomi negara mulai pulih berikutan langkah-langkah fiskal dan monetari yang diambil oleh Kerajaan.

Pada tahun 1985, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 1% akibat kejatuhan harga komoditi seperti petroleum, kelapa sawit dan timah serta rentetan daripada kelembapan ekonomi dunia. Pengangguran meningkat daripada 5.8% pada tahun 1984 kepada 8.5% pada tahun 1985. Hasil kerajaan merosot dengan ketara hingga tidak cukup untuk menampung perbelanjaan mengurus. Kerajaan mengekalkan dasar melawan kitaran bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran. Dasar ini bermaksud kerajaan meningkatkan perbelanjaan walaupun dalam keadaan ekonomi merosot. Oleh

kerana sebahagian besar perbelanjaan mengurus adalah perbelanjaan terikat seperti emolument, pencen, bayaran khidmat hutang dan bayaran geran kepada kerajaan negeri, maka perbelanjaan mengurus terus meningkat sebanyak 7% kepada RM20.1 billion pada tahun 1986 walaupun dalam keadaan ekonomi yang meleset. Ini menyebabkan akaun semasa Kerajaan Persekutuan mencatat defisit sebanyak RM557 juta pada tahun 1986 dan seterusnya meningkat kepada RM2 billion pada tahun 1987. Untuk menjadikan keadaan lebih buruk, akaun semasa imbangan pembayaran juga mengalami defisit pada tahun 1986 dan keadaan ini dikenali sebagai deficit kembar dalam ekonomi Malaysia. Defisit dalam akaun semasa serta dasar melawan kitaran menjadikan defisit keseluruhan melebar ke paras 11.4% pada 1986 dan 13.9% pada 1987.

Kerajaan seterusnya mengambil langkah drastik bagi memulih keadaan ekonomi terutamanya dengan mendorong sektor swasta supaya berperanan lebih aktif dengan melaksana dasar penswastaaan, melonggar pemilikan ekuiti asing, mengurangkan kadar cukai korporat dan memberi insentif kepada SMEs. Dari segi kewangan, Kerajaan telah mengambil langkah jimat cermat dengan mengawal ketat perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Peranan Kerajaan juga lebih terarah kepada penyedia infrastruktur bagi memberikan suasana yang lebih baik kepada sector swasta untuk terus berkembang. Kerajaan juga secara perlahan-lahan telah menarik diri daripada terlibat secara langsung dalam aktiviti ekonomi yang boleh menjadi saingan terus kepada sector swasta.

Langkah-langkah yang diambil telah berjaya meningkatkan kembali pertumbuhan ekonomi daripada 1.2% pada tahun 1986 kepada 5.4% pada

tahun 1987 dan 8.9% pada tahun 1988. Berikutan itu, KDNK tahunan meningkat secara purata 8.9% dalam tempoh 1988-1996. Ini merupakan tempoh dimana Malaysia mencatat kadar pertumbuhan yang tertinggi sejak Merdeka. Sektor pembuatan meningkat melebihi dua digit dalam tempoh tersebut dan menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK.

Pada pertengahan tahun 1997 berlaku pula krisis kewangan Asia yang bermula di Thailand dan merebak ke hampir semua negara ASEAN termasuk Malaysia, Indonesia, Jepun dan Republik Korea. Semasa krisis memuncak, semua negara yang dilanda krisis mengalami kejatuhan nilai matawang, nilai pasaran saham dan kejatuhan nilai aset. Selepas serangan matawang di Thailand, pada 8 Julai 1997, Malaysia pula diserang oleh penyangak mata wang yang membawa kepada jualan menyeluruh di pasaran saham dan pasaran tukaran wang. Indeks KLSE menjunam dari 1,200 mata kepada paras di bawah 600 mata, nilai ringgit merosot sebanyak 50% daripada RM2.50 kepada RM4.10 bagi setiap dollar. Perdana Menteri pada 2 September, 1998 mengambil keputusan mengadakan kawalan modal dan menetapkan nilai ringgit pada RM3.80 bagi setiap dollar Amerika Syarikat. Ini merupakan satu langkah yang berisiko dan menerima kritikan dari pemimpin-pemimpin dunia.

Walau apa pun, dalam tempoh krisis 1997-1998, keadaan ekonomi Malaysia tidaklah seburuk ekonomi negara-negara jiran kerana Kerajaan telah mengambil langkah menghadkan pinjaman asing dan mengadakan peraturan dan pengawalan yang ketat ke atas sektor perbankan menyebabkan sektor perbankan negara tidak terjejas teruk dengan krisis tersebut. Oleh yang

demikian, Malaysia tidak memerlukan bantuan IMF bagi mengatasi krisis tersebut. Dikalangan negara yang dilanda krisis, Malaysia merupakan negara yang terpantas pulih daripada krisis tanpa bantuan IMF. Langkah kawalan modal yang diambil oleh Malaysia akhirnya menerima pujian MF dan pemimpin dunia.

Di samping langkah tersebut, Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 7 Januari, 1998 untuk membuat cadangan konkrit kepada Kerajaan bagi mengekang kemerosotan ekonomi. MTEN kemudiannya telah menyediakan satu kertas kerja iaitu Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara bertujuan menstabilkan ringgit, memulihkan keyakinan pasaran, menjaga kestabilan pasaran kewangan, memperkukuhkan asas ekonomi, meneruskan agenda ekuiti dan menghidupkan semula sektor yang terjejas teruk akibat krisis ekonomi. Di antara tindakan yang ialah penubuhan Syarikat Pengurusan Dana harta Nasional Bhd. (Danaharta), syarikat pengurusan aset negara, Danamodal Nasional Bhd.(Danamodal) dan Jawatankuasa Penstrukturan Hutang Korporat (CDRC). Peranan Danaharta dan Danamodal telah membantu meningkatkan kecairan dalam sistem perbankan. Penggabungan bank-bank pula telah berjaya mengukuhkan modal dan meningkatkan daya saing bank di Malaysia. Kaedah penyelesaian yang di ambil oleh Malaysia bagi mengatasi krisis ekonomi dan matawang pada tahun 1998 telah mendapat pujian banyak pihak. Ia dianggap sebagai suatu langkah penyelesaian yang inovatif, efektif dan pemikiran di luar kotak. IMF yang pada mulanya sangsi ke atas langkah yang diambil oleh Malaysia kemudiannya telah mengiktiraf langkah tersebut dan menganggapnya sebagai suatu kaedah yang perlu dicontohi.

Ekonomi Malaysia kembali pulih pada tahun 2000 dengan peningkatan KDNK sebanyak 8.9%. Dalam tempoh 2001-2007, KDNK meningkat secara purata sebanyak 4.9% setahun. Pada akhir 2008, momentum pertumbuhan ekonomi mula perlahan dan meningkat hanya 0.1% dalam suku keempat terutamanya sektor pembuatan yang menguncup sebanyak 8.8% berikutan kelembapan sektor luaran dan kejatuhan pelaburan swasta. Sentimen perniagaan merosot dengan ketara. Malaysia kembali ke fasa kemelesetan dengan KDNK menguncup sebanyak 1.6% pada tahun 2009. Krisis ini bermula dengan kegagalan institusi kewangan Amerika Syarikat pada tahun 2007 yang berpunca daripada kemerosotan kualiti *subprime assets*. Ini membangkitkan kebimbangan secara meluas dalam pasaran kewangan global. Krisis ini menjadi bertambah buruk apabila banyak aset kewangan mengalami kerugian yang mengakibatkan kesan negatif kepada pendapatan. Memandangkan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, kesan kemelesetan global begitu dirasakan oleh sektor yang berkaitan dengan perdagangan luar. Eksport dan pengeluaran kilang merosot masing-masing sebanyak 7.4% dan 11.1%

Bagi merangsang aktiviti ekonomi, Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan fiskal berjumlah RM67 billion bagi menggerakkan aktiviti ekonomi bagi melaksanakan pelbagai inisiatif terutamanya pelaksanaan projek-projek infrastruktur. Langkah yang diambil bukan sahaja memberi sokongan secara langsung kepada aktiviti domestik, bahkan ia telah mendorong pemulihan sentimen perniagaan dan pengguna di samping pemulihan beransur-ansur ekonomi global terus menyokong ekonomi Malaysia. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi melaksanakan pakej

rangsangan ekonomi bagi menggerakkan aktiviti ekonomi. Keberkesanan rangsangan fiskal bergantung pada pelbagai faktor. Pertama; sejauh mana kesan langsung daripada insentif tersebut menjadi pengganda kepada aktiviti ekonomi aggregate. Perkara utama ialah kecenderungan mengguna bagi isirumah atau melabur bagi syarikat. Faktor kedua ialah kadar dan *speed of disbursement*. Perkara ini melibatkan pegawai-pegawai awam selaku pihak yang melaksanakan projek. Peranan pegawai-pegawai awam amat penting bagi memastikan peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan dengan segera bagi memberikan impak yang maksimum. Oleh yang demikian pemantauan projek secara berkesan bagi memastikan setiap projek dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan akan membantu memulihkan aktiviti ekonomi dengan segera. Di samping itu, integriti dalam pelaksanaan projek juga memberi kesan kepada nilai projek.

Pada masa ini, kebanyakan negara-negara berpendapatan sederhana termasuk Malaysia sering menggunakan dasar fiskal sebagai alat untuk meningkatkan permintaan dalam negeri. Oleh yang demikian, pegawai-pegawai awam yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan dan pemantauan projek perlu memahami secara mendalam objektif dan implikasi dasar fiskal supaya mereka dapat menilai kepentingan prinsip nilai untuk wang iaitu setiap sen daripada peruntukan yang disediakan perlu dibelanjakan sepenuhnya dengan secepat mungkin bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi. Oleh yang demikian, pegawai kerajaan perlu mempunyai integriti yang tinggi bagi menjamin tidak berlaku sebarang ketirisan dalam setiap projek yang dilaksanakan.

Pada 2010, Kerajaan telah mengumumkan GTP dan ETP yang menetapkan sasaran supaya pendapatan per kapita rakyat Malaysia perlu mencapai US\$15,000 bagi membolehkan negara ini keluar daripada perangkap negara berpendapatan sederhana dan menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Bagi mencapai sasaran tersebut, KDNK perlu meningkat 6% setahun dalam tempoh 2011-2020. Bagi mencapai sasaran ini juga kerjasama awam dan swasta amat penting. Sektor swasta disasar menyumbang 90% daripada jumlah pelaburan, manakala sektor awam akan membantu dari segi penyampaian perkhidmatan bagi membantu mempercepatkan pelaksanaan projek oleh sektor swasta. ETP telah merangka 131 *entry point projects* yang akan membawa faedah dan kesan pengganda serta menjadi agen perubahan. Sebagai contoh, projek MRT bukan sahaja mampu mengatasi masalah kesesakan trafik namun menjadikan Kuala Lumpur lebih menarik dan mampu meningkatkan pelaburan tempatan dan asing. MRT akan menjadi *catalyst* kepada kemajuan sektor lain seperti hartanah, pembinaan, borong dan runcit, pelancongan dan perkhidmatan kewangan.

Malaysia perlu keluar dari perangkap negara berpendapatan sederhana. Kajian Bank Dunia menunjukkan banyak negara di Asia Timur telah berjaya melangkah keluar dari perangkap ini melalui persekitaran perniagaan yang menarik dengan dipacu oleh perusahaan swasta dan penggubalan dasar yang sesuai. Republik Korea, Taiwan, China dan India telah menunjukkan kejayaan dalam industri dan perkhidmatan berasaskan pengetahuan serta inovasi. Faktor penentu kejayaan adalah modal insan yang berkemahiran tinggi serta budaya inovatif dan kreatif. Peningkatan produktiviti memerlukan

modal insan yang berkeliber, komited dan berkemahiran tinggi untuk memacu perubahan transformasi berasaskan kecemerlangan dalam jangka masa panjang. Di samping itu, sistem penyampaian perkhidmatan perlu sentiasa berubah. Oleh yang demikian, hanya pegawai kerajaan yang berkualiti sahaja yang perlu ada dalam perkhidmatan awam.

Malaysia telah lama memberikan tumpuan kepada pertumbuhan yang dipacu sektor pembuatan. Bagi melangkah menjadi negara maju berpendapatan tinggi, sumbangan sektor perkhidmatan amat penting. Produktiviti yang tinggi dalam sektor perkhidmatan adalah kunci dalam kemajuan ekonomi. Sektor perkhidmatan mempunyai banyak aktiviti yang kritikal kepada pertumbuhan ekonomi seperti kewangan, kesihatan, pengangkutan dan telekomunikasi. Oleh yang demikian, pelaburan dalam teknologi baru dan inovasi adalah amat penting dalam persekitaran persaingan dan perniagaan global.